TERHAD

i-MODUL KECEMERLANGAN SPM SMKA 2026

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2026
# TINGKATAN 5

**SEJARAH** **1249/1(PP)**

**Kertas 1**

**Peraturan Pemarkahan**

JOIN TELEGRAM
@exercise_students
UNTUK ANALISIS & TIPS SPM 2026 !

## UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Majlis Pengetua SMKA.** Kegunaan khusus untuk guru-guru Tingkatan 5 di SMKA sahaja. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk media cetak

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 2 halaman bercetak sahaja

| SOALAN | JAWAPAN | HALAMAN BUKU TEKS / KBAT |
|---|---|---|
| 1 | C | T4 Hal.4 |
| 2 | A | T4 Hal.13 |
| 3 | C | T4 Hal.31 |
| 4 | B | T4 Hal.35 |
| 5 | A | T4 Hal. 56-58 |
| 6 | A | T4 Hal. 66-67 |
| 7 | B | T4 Hal. 94 |
| 8 | A | T4 Hal. 96-97 |
| 9 | B | T4 Hal.132 |
| 10 | D | T4 Hal.137 |
| 11 | D | T4 Hal.149 |
| 12 | D | T4 Hal.156 |
| 13 | A | T4 Hal.176 |
| 14 | B | T4 Hal.187 |
| 15 | D | T4 Hal.201 |
| 16 | D | T4 Hal.206 |
| 17 | A | T4 Hal.222 |
| 18 | D | T4 Hal.223 |
| 19 | B | T4 Hal.236 |
| 20 | B | T4 Hal.245 |
| 21 | A | T5 Hal.4 |
| 22 | B | T5 Hal.12 |
| 23 | C | T5 Hal.24 |
| 24 | A | T5 Hal.31 |
| 25 | B | T5 Hal.31 |
| 26 | D | T5 Hal.47 |
| 27 | B | T5 Hal.56 |
| 28 | C | T5 Hal.68 |
| 29 | A | T5 Hal.100 |
| 30 | D | T5 Hal.103 |
| 31 | B | T5 Hal.117 |
| 32 | C | T5 Hal.122 |
| 33 | C | T5 Hal.150 |
| 34 | C | T5 Hal.155 |
| 35 | A | T5 Hal.169 |
| 36 | C | T5 Hal.186 |
| 37 | B | T5 Hal.196 |
| 38 | B | T5 Hal.213 |
| 39 | A | T5 Hal.230 |
| 40 | C | T5 Hal.237 |
| **A** | | **11** |
| **B** | | **12** |
| **C** | | **9** |
| **D** | | **8** |

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

i-MODUL KECEMERLANGAN SPM SMKA 2026

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2026
# TINGKATAN 5

**SEJARAH** **1249/2(PP)**

**Kertas 2**

**Peraturan Pemarkahan**

JOIN TELEGRAM
@exercise_students
UNTUK ANALISIS & TIPS SPM 2026 !

## UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan **Hak Cipta Majlis Pengetua SMKA.** Kegunaan khusus untuk guru-guru Tingkatan 5 di SMKA sahaja. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk media cetak

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 23 halaman bercetak

| Soalan | Perincian | | Markah |
|---|---|---|---|
| | Maklumat berikut merujuk kepada masyarakat dalam Kesultanan Melayu Melaka.<br>• Golongan pemerintah<br>• Golongan rakyat | | |
| 1 *(a)* | Senaraikan mereka yang termasuk dalam golongan pemerintah. | | |
| | F1 | Sultan/ Raja | 1 |
| | F2 | Kerabat raja | 1 |
| | F3 | Pembesar | 1 |
| | F4 | Ulama | 1 |
| | | [Mana-mana 2F x 1 *m*] | **[2 *m*]** |
| 1 *(b)* | Jelaskan peranan golongan pemerintah dan rakyat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. | | |
| | (i) | Golongan pemerintah | |
| | F1 | Menaungi/ menjaga keselamatan rakyat | 1 |
| | F2 | Mewujudkan perpaduan rakyat | 1 |
| | F3 | Bertanggungjawab terhadap kemakmuran/ kestabilan kerajaan | 1 |
| | F4 | Memperkenalkan undang-undang | 1 |
| | F5 | Memelihara keamanan | 1 |
| | F6 | Memelihara kebajikan rakyat di kawasan pegangan | 1 |
| | F7 | Mengutip hasil melalui sistem serah | 1 |
| | F8 | Membekal tenaga kerja melalui sistem kerah | 1 |
| | | [Mana-mana 2F x 1 *m*] | **[2 *m*]** |
| | (ii) | Golongan rakyat | |
| | F1 | Menunjukkan ketaatan kepada pemerintah | 1 |
| | F2 | Mematuhi semua arahan/ tidak menderhaka kerana bimbang ditimpa tulah | 1 |
| | F3 | Menjadi tentera | 1 |
| | F4 | Menghadiri majlis umum/ gotong royong | 1 |
| | F5 | Menjadi pengayuh/ pendayung kapal perang | 1 |
| | F6 | Menyumbang tenaga kerja/ sistem kerah | 1 |
| | F7 | Membina istana/ jalan raya | 1 |
| | | [Mana-mana 2F x 1 *m*] | **[2 *m*]** |

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

| Soalan | Perincian | Markah |
|---|---|---|
| **1** *(c)* | Maklumat berikut tentang hubung kait pemerintah dan rakyat.<br><br>Maka titah Sang Sapurba, "Hendaklah segala anak cucu hamba, jikalau ada salahnya sekalipun, atau zalim dan jahat pekertinya, janganlah segala hamba Melayu itu derhaka dan menitikkan darahnya ke bumi, jikalau mereka itu akan cedera, berundur hingga ditakluk negerinya juga...". Maka sembah Demang Lebar Daun, "Baiklah tuanku, tetapi anak cucu duli tuanku dahulu mengubahkan, anak cucu patik pun berubahlah tuanku". Maka titah Sang Sapurba, "Baiklah paman, kabullah hamba akan waad itu". Titah baginda, "Barang siapa hamba Melayu derhaka mengubahkan perjanjiannya, dibalikkan Allah bumbungan rumah ke bawah kaki ke atas". Maka sembah Demang Lebar Daun, "Jikalau raja Melayu itu mengubahkan perjanjian dengan hamba Melayu, dibinasakan Allah negerinya dan takhta kerajaannya".<br><br>Sumber : W.G Shellabear, 1995. Sejarah Melayu.<br><br>Bagaimanakah prinsip waadat tersebut diamalkan dalam pemerintahan negara pada masa kini? | |
| | F1 Pemerintah mentadbir negara secara adil/ saksama | 1 |
| | F2 Pemerintah menjaga kebajikan/ keselamatan rakyat | 1 |
| | F3 Menghormati hak rakyat | 1 |
| | F4 Mematuhi Perlembagaan/ kedaulatan undang-undang | 1 |
| | F5 Rakyat taat setia kepada raja/ negara | 1 |
| | F6 Rakyat mematuhi undang-undang negara | 1 |
| | F7 Menyokong dasar kerajaan yang bermanfaat | 1 |
| | F8 Menyalurkan pandangan melalui saluran yang sah | 1 |
| | F9 Sikap saling menghormati antara pemerintah dan rakyat<br>Mewujudkan kestabilan politik/ perpaduan/ negara makmur | 1 |
| | (Mana-mana jawapan berkaitan)<br>[Mana-mana 4F x 1 *m*] | **[4 *m*]** |

 © Hak Cipta 2026 Majlis Pengetua SMKA 

| Soalan | Perincian | Markah |
|---|---|---|
| | Kerajaan membanteras ancaman komunis melalui pelbagai kaedah seperti mengadakan Rundingan Baling antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan Parti Komunis pada tahun 1955. | |
| **2** *(a)* | Siapakah **dua** individu yang terlibat dalam rundingan tersebut? | |
| | F1 Tunku Abdul Rahman | 1 |
| | F2 Tan Cheng Lock | 1 |
| | F3 David Marshall | 1 |
| | F4 Chin Peng | 1 |
| | F5 Chen Tien | 1 |
| | F6 Rashid Maidin | 1 |
| | [Mana-mana 2F x 1 *m*] | **[2 *m*]** |
| **2** *(b)* | Mengapakah rundingan tersebut gagal? | |
| | F1 Tunku Abdul Rahman meminta Chin Peng membubarkan PKM/ meletakkan senjata/ menyerah diri | 1 |
| | F2 Chin Peng menetapkan syarat | 1 |
| | F3 Peletakan senjata/ penyerahan diri akan dibuat jika PKM diperakui sebagai sebuah parti politik yang sah | 1 |
| | F4 Tunku Abdul Rahman enggan menerima syarat tersebut | 1 |
| | F5 Rundingan tersebut telah menemui kegagalan | 1 |
| | [Mana-mana 4F x 1 *m*] | **[4 *m*]** |
| **2** *(c)* | "Tanggungjawab mengekalkan kedaulatan negara merupakan agenda negara yang perlu ada pada setiap jiwa warganegara Malaysia".<br><br>Ulaskan. | |
| | F1 Tanggungjawab rakyat bersama menjaga kedaulatan negara | 1 |
| | F2 Mengelakkan campur tangan asing menggugat politik/ ekonomi/ budaya | 1 |
| | F3 Dasar utama negara melibatkan keselamatan/ kehormatan/ kebebasan rakyat | 1 |
| | F4 Setiap warganegara perlu patuh undang-undang | 1 |
| | F5 Menyokong dasar/ usaha pembangunan | 1 |
| | F6 Menghayati sejarah perjuangan kemerdekaan/ patriotik | 1 |
| | F7 Memahami cabaran semasa negara | 1 |
| | F8 Mengelakkan perpecahan kaum/ memelihara keharmonian<br>(Mana-mana jawapan berkaitan) | 1 |
| | [Mana-mana 4F x 1 *m*] | **[4 *m*]** |

 © Hak Cipta 2026 Majlis Pengetua SMKA 

| Soalan | Perincian | Markah |
|---|---|---|
| | Jawatan Yang di-Pertuan Agong diperkenalkan selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. | |
| **3** *(a)* | Jelaskan institusi Yang di-Pertuan Agong. | |
| | F1 Jawatan YDPA diwujudkan selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 | 1 |
| | F2 YDPA dipilih dalam kalangan raja yang memerintah di sembilan buah negeri dalam Persekutuan | 1 |
| | F3 Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan | 1 |
| | F4 Pemilihan YDPA dilaksanakan oleh Majlis Raja-Raja berdasarkan Perlembagaan Persekutuan/ Peraturan-peraturan Majlis Raja-Raja | 1 |
| | F5 Jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan | 1 |
| | [Mana-mana 2F x 1 *m*] | **[2 *m*]** |
| **3** *(b)* | Jelaskan kuasa perundangan Yang di-Pertuan Agong. | |
| | F1 YDPA memperkenankan sesuatu Rang Undang-Undang yang melalui proses pembentangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara | 1 |
| | F2 YDPA mempunyai kuasa memanggil Parlimen bersidang | 1 |
| | F3 YDPA berkuasa memberhentikan/ membubarkan Parlimen | 1 |
| | F4 YDPA merupakan Ketua Agama Islam di negeri baginda sendiri/ Wilayah Persekutuan/ Melaka/ Pulau Pinang/ Sarawak/ Sabah | 1 |
| | F5 Ketua agama Islam di negeri-negeri lain ialah sultan atau raja yang memerintah di negeri masing-masing | 1 |
| | F6 YDPA bertanggungjawab menjaga/ melindungi kedudukan istimewa orang Melayu/ bumiputera di Sarawak/ Sabah | 1 |
| | F7 Melindungi kepentingan sah kaum lain di Malaysia | 1 |
| | F8 YDPA boleh membuat pengisytiharan darurat | 1 |
| | F9 Jika berlaku ancaman keselamatan awam/ekonomi negara | 1 |
| | [Mana-mana 4F x 1 *m*] | **[4 *m*]** |

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

| Soalan | Perincian | Markah |
|---|---|---|
| 3 *(c)* | Teliti petikan berikut.<br><br>Yang di-Pertuan Agong adalah tonggak pemerintahan negara, simbol keutuhan dan perpaduan rakyat. Baginda bukan sahaja menjadi Ketua Utama Negara malahan merupakan warisan utama tamadun Melayu.<br><br>Sumber: https://www.bharian.com.<br><br>Ulaskan. | |
| | F1 Tonggak negara/ Ketua Utama Negara/ simbol perpaduan rakyat | 1 |
| | F2 Punca kedaulatan/ ketaatan/ kebesaran/ kemuliaan negara | 1 |
| | F3 Mewujudkan kestabilan pentadbiran negara | 1 |
| | F4 Lambang perpaduan masyarakat pelbagai kaum | 1 |
| | F5 Meningkatkan imej negara di persada dunia | 1 |
| | F6 Warisan utama tamadun Melayu | 1 |
| | F7 Mengekalkan identiti/ warisan negara<br>(Mana-mana jawapan berkaitan) | 1 |
| | [Mana-mana 4F x 1 *m*] | **[4 *m*]** |

| Soalan | Perincian | | Markah |
|---|---|---|---|
| | Rancangan Malaysia Pertama (1966 - 1970) diperkenalkan selepas pembentukan Malaysia bagi meningkatkan taraf hidup rakyat. | | |
| **4** *(a)* | Nyatakan **dua** isu pembangunan ekonomi yang perlu ditangani oleh kerajaan. | | |
| | F1 | Terlalu bergantung pada eksport getah/ bijih timah | 1 |
| | F2 | Kejatuhan harga bahan mentah | 1 |
| | F3 | Petani ketinggalan penggunaan teknologi/ peralatan | 1 |
| | F4 | Petani masih merupakan golongan berpendapatan rendah | 1 |
| | F5 | Pertanian komersial lain kurang diusahakan | 1 |
| | F6 | Taraf hidup yang berbeza | 1 |
| | F7 | Peluang pekerjaan yang terhad | 1 |
| | F8 | Kadar pengangguran meningkat | 1 |
| | F9 | Masalah kesihatan dan sosial | 1 |
| | F10 | Keperluan asas/ hak wanita dari segi kehamilan terhad | 1 |
| | F11 | Kurangnya kemudahan perkhidmatan kesihatan profesional | 1 |
| | F12 | Kadar kelahiran tidak normal/ kematian yang tinggi | 1 |
| | | [Mana-mana 2F x 1 *m*] | **[2 *m*]** |
| **4** *(b)* | Jelaskan usaha kerajaan dalam menangani isu di 4 *(a)*. | | |
| | F1 | **Terlalu bergantung pada eksport getah/ bijih timah** | |
| | H1a | Mempelbagaikan kegiatan ekonomi pertanian/ industri | 1 |
| | H1b | Mencari pasaran baharu bagi getah/ bijih timah | 1 |
| | H1c | Mempelbagaikan bidang pertanian/ kelapa sawit/ koko | 1 |
| | H1d | Mempelbagaikan pengeluaran komoditi negara | 1 |
| | F2 | **Taraf hidup yang berbeza** | |
| | H2a | Melancarkan program pembangunan negara berasaskan satu rancangan bersepadu | 1 |
| | H2b | Perkilangan/ pembuatan/ membuka kawasan baharu | 1 |
| | H2c | Mempercepat integrasi dalam kalangan penduduk/ negeri | 1 |
| | H2d | Mendapatkan bantuan Bank Dunia | 1 |
| | F3 | **Peluang pekerjaan yang terhad** | |
| | H3a | Menubuhkan pusat latihan vokasional/ teknikal | 1 |
| | H3b | Meluaskan peluang pekerjaan kepada penduduk | 1 |
| | F4 | **Masalah kesihatan dan sosial** | |
| | H4a | Mengurangkan kadar kelahiran | 1 |
| | H4b | Memperkenalkan program Perancang Keluarga | 1 |
| | H4c | Menambah baik perkhidmatan kesihatan di luar bandar | 1 |
| | | [Mana-mana 4F x 1 *m*] | **[4 *m*]** |

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

<table>
<tr><th>Soalan</th><th>Perincian</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>4 (c)</td><td>Lirik lagu berikut berkaitan kemakmuran ekonomi negara.<br><br>Malaysia Berjaya<br><br>Malaysia kita sudah berjaya<br>Aman makmur bahagia<br>Dari Perlis sampailah ke Sabah<br>Kita sudah merdeka<br>Negara makmur rakyat mewah<br>Kita sudah berjaya<br>Dengar semboyan kita berjaya<br>Gemuruh di angkasa<br>Satu bangsa satu negara Malaysia berjaya<br><br>Lirik: Saiful Bahari<br><br>Beri ulasan anda.<br><br>F1 Malaysia bebas daripada penjajahan<br>F2 Menjadi sebuah negara merdeka<br>F3 Kesejahteraan hidup rakyat hasil pembangunan negara<br>F4 Semangat kesatuan rakyat Malaysia/ perpaduan<br>F5 Tanpa mengira kaum/ agama<br>F6 Kekuatan rakyat dalam mencapai kejayaan<br>(Mana-mana jawapan berkaitan)<br><br>[Mana-mana 4F x 1 m]</td><td><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[4 m]</td></tr>
</table>

| Soalan | Perincian | | Markah |
|---|---|---|---|
| | Persaingan antara kuasa imperialis untuk mempertahankan kepentingan masing-masing telah mencetuskan Perang Dunia Pertama pada tahun 1914 -1918. | | |
| **5** *(a)* | Mengapakah peperangan tersebut berlaku? | | |
| | F1 | **Persaingan kuasa imperialis** | 1 |
| | H1a | Perkembangan Revolusi Industri | 1 |
| | H1b | Bersaing untuk mendapatkan tanah jajahan | 1 |
| | H1c | Bagi memperoleh bahan mentah/ arang batu/ petroleum/ bijih timah/ memasarkan hasil industri | 1 |
| | H1d | Permusuhan kuasa imperialis di Eropah/ Perancis/ Jerman | 1 |
| | F2 | **Pakatan ketenteraan** | 1 |
| | H2a | Pakatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga | 1 |
| | H2b | Menyebabkan ketidakstabilan politik berterusan di Eropah | 1 |
| | H2c | Menghasilkan senjata moden/ sedia berperang bagi mempertahankan kepentingan masing-masing | 1 |
| | F3 | **Krisis rantau Balkan** | 1 |
| | H3a | Akibat permusuhan Austria-Hungary dengan Serbia | 1 |
| | H3b | Austria-Hungary menuduh Serbia menghasut rakyat Austria berketurunan Serb | 1 |
| | H3c | Membebaskan diri daripada pemerintahan Austria-Hungary | 1 |
| | H3d | Kemuncak krisis Balkan ialah pembunuhan Archduke Ferdinand, Putera Mahkota Austria-Hungary dan isterinya Sophie oleh seorang pemuda Serbia | 1 |
| | H3e | Punca Eropah terjerumus dalam Perang Dunia Pertama | 1 |
| | | [Mana-mana 6F x 1 m] | **[6 *m*]** |
| **5** *(b)* | Huraikan kesan Perang Dunia Pertama. | | |
| | F1 | **Keruntuhan pemerintahan beraja** | 1 |
| | H1a | Di Jerman/ Austria-Hungary/ Rusia/ empayar Uthmaniyah | 1 |
| | H1b | Kerajaan Republik Jerman didirikan bila Kaiser Wilhem II turun takhta/ mendapatkan perlindungan politik di Belanda | 1 |
| | H1c | Empayar Austria-Hungary/ Dinasti Habsburg berakhir apabila timbul pemberontakan di wilayah yang dikuasainya | 1 |
| | H1d | Revolusi Rusia menumbangkan Raja Tsar Nicholas II | 1 |
| | H1e | Kerajaan komunis pertama di dunia di bawah pimpinan Vladimir Lenin | 1 |
| | H1f | Khalifah empayar Uthmaniyah, Sultan Mehmed VI digulingkan | 1 |
| | H1g | Kerajaan Turki bercorak republik diketuai oleh Mustafa Kemal Ataturk | 1 |

| Soalan | Perincian | | Markah |
|---|---|---|---|
| | F2 | **Kemunculan negara baharu** | 1 |
| | H2a | Keruntuhan empayar Austria-Hungary - Austria/ Hungary/ Czechoslovakia/ Yugoslavia | 1 |
| | H2b | Perpecahan empayar Rusia - Poland/ Estonia/ Latvia/ Lithuania | 1 |
| | H2c | Perpecahan empayar Uthmaniyah - Lebanon/ Syria/ Iraq | 1 |
| | F3 | **Kesan terhadap negara kita** | 1 |
| | H3a | Raja-raja Melayu diminta menandatangani perisytiharan perang | 1 |
| | H3b | Bagi menyekat kebangkitan orang Melayu | 1 |
| | H3c | Tanda sokongan dan taat setia kepada kerajaan British | 1 |
| | H3d | Pelbagai undang-undang yang berkaitan dengan perang diluluskan oleh pentadbiran British | 1 |
| | H3e | Pesuruhjaya Tinggi British berkuasa untuk meletakkan negeri Melayu di bawah undang-undang tentera jika keadaan memerlukan | 1 |
| | H3f | Ekonomi negeri Melayu dimanipulasi British | 1 |
| | H3g | Wang hasil bijih timah/ getah digunakan bagi membiayai operasi British dalam Perang Dunia Pertama. | 1 |
| | | [Mana-mana 6F x 1 *m*] | **[6 *m*]** |

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

| Soalan | Perincian | Markah |
|---|---|---|
| **5** *(c)* | Teliti gambar di bawah.<br><br>Huraikan mesej yang terkandung dalam gambar tersebut.<br><br>Aras 4<br>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas<br>Bukti/ contoh sangat sesuai<br>Membuat inferens yang tepat<br>Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci<br>Komunikasi/ pengolahan sangat menarik<br>Menunjukkan kematangan<br><br>Contoh:<br>- Ketidakseimbangan kuasa antara negara besar dan kecil<br>- Ancaman kuasa besar<br>- Singa/ harimau melambangkan negara kuat yang masih berhasrat untuk berperang<br>- Manakala kambing/ ayam mewakili negara kecil/ lemah yang terdedah kepada ancaman<br>- Usaha menandatangani perjanjian pelucutan senjata<br>- Kegagalan diplomasi antarabangsa<br>- Menggambarkan kelemahan sistem antarabangsa<br>- Perjanjian tidak menjamin keselamatan semua pihak<br>- Perjanjian yang gagal ini menjadi salah satu faktor tercetusnya Perang Dunia Kedua<br>- Semangat imperialisme/ ketenteraan tidak dapat dibendung<br>- Usaha mengekalkan keamanan dunia memerlukan komitmen semua pihak<br>- Persengketaan diselesaikan melalui meja rundingan bukan peperangan<br>(Mana-mana jawapan berkaitan) | <br><br><br><br><br>[7 – 8] |

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

| Soalan | Perincian | Markah |
|---|---|---|
| | Tarikh 31 Ogos 1957 menjadi detik bersejarah bagi negara kita. Bagi memastikan peristiwa pemasyhuran kemerdekaan ini diingati, pelbagai persediaan telah dibuat. | |
| **6** *(a)* | Jelaskan peranan Jawatankuasa Persediaan Fizikal. | |
| | F1 Jawatankuasa bertugas menonjolkan identiti negara | 1 |
| | F2 Pembinaan prasarana fizikal/ stadium untuk meraikan | 1 |
| | F3 kemerdekaan/ istana untuk Yang di-Pertuan Agong | 1 |
| | F4 Stadium Merdeka direka bentuk oleh S. E. Jewkes | |
| | F5 Mengambil masa selama enam bulan untuk disiapkan | 1 |
| | F6 Mempunyai 22 ribu tempat duduk/ 3000 daripadanya tempat duduk berbumbung | 1 |
| | F7 Kos pembinaan 2.5 juta ringgit | 1 |
| | F8 Siap dibina pada 21 Ogos 1957 | 1 |
| | F9 Tunku Abdul Rahman mencadangkan sebuah lagu rasmi kebangsaan dicipta | 1 |
| | F10 Bagi diperdengarkan semasa upacara Perisytiharan Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 | 1 |
| | F11 Jawatankuasa Pemilihan Lagu Kebangsaan dibentuk | 1 |
| | F12 Dipengerusikan oleh Tunku Abdul Rahman dan dibantu oleh Yaacob Abdul Latiff (Pengarah Jabatan Penerangan) | 1 |
| | F13 Lagu Negaraku dicipta sebagai lagu kebangsaan negara | 1 |
| | F14 Lagu ini berasal daripada lagu Terang Bulan, lagu negeri | 1 |
| | F15 Perak yang liriknya ditulis oleh Saiful Bahari | 1 |
| | F16 Penggunaan bendera Persekutuan Tanah Melayu yang telah sedia ada akan dijadikan bendera kebangsaan | 1 |
| | F17 Reka bentuk bendera dicipta oleh Mohamed Hamzah, kakitangan Jabatan Kerja Raya Negeri Johor. | 1 |
| | F18 Bendera Persekutuan mula dikibarkan dengan rasminya pada 26 Mei 1950 di Istana Sultan Selangor | 1 |
| | F19 Penggunaan Jata Negara diperkenankan oleh Raja-raja Melayu pada 30 Mei 1957 | 1 |
| | F20 Kementerian Pertanian pula meninjau pendapat rakyat memilih bunga yang sesuai sebagai bunga kebangsaan | 1 |
| | F21 Bunga raya dipilih oleh Tunku Abdul Rahman sebagai bunga kebangsaan | 1 |
| | [Mana-mana 6F x 1 *m*] | **[6 *m*]** |

| Soalan | Perincian | | Markah |
|---|---|---|---|
| **6** *(b)* | Terangkan kesan kemerdekaan dalam aspek politik negara kita. | | |
| | F1 | **Pengamalan sistem Raja Berperlembagaan** | 1 |
| | H1a | YDPA menjadi ketua utama negara dengan bidang kuasa tertentu | 1 |
| | F2 | **Demokrasi Berparlimen** | 1 |
| | H2a | Rakyat mempunyai kuasa memilih kerajaan/ pemerintah melalui pilihan raya | 1 |
| | H2b | Pelaksanaan pilihan raya memberi rakyat hak bersuara | 1 |
| | H2c | Memilih wakil untuk menentukan hala tuju masa depa/ kesejahteraan negara | 1 |
| | H2d | Parlimen berkuasa menggubal undang-undang pada peringkat Persekutuan | 1 |
| | H2e | Pada peringkat negeri pula, Dewan Undangan Negeri berkuasa menggubal undang-undang | 1 |
| | H2f | Hal ini menjadikan undang-undang lebih berkesan/ mampu memakmurkan negara | 1 |
| | F3 | **Pentadbiran negara** | 1 |
| | H3a | Tunku Abdul Rahman dilantik menjadi Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang pertama | 1 |
| | H3b | Beliau mengekalkan ahli kabinet yang ada | 1 |
| | H3c | Melantik Dato' Abdul Razak Hussein sebagai Timbalan Perdana Menteri | 1 |
| | H3d | Tunku Abdul Rahman Menteri Luar dilantik sebagai Menteri Luar sebagai tanda kebebasan negara menjalankan dasar luar negara | 1 |
| | F4 | **Cabaran kerajaan Persekutuan** | 1 |
| | H4a | Menggantikan pegawai Eropah dengan rakyat tempatan/ khususnya dalam bidang profesional/ pendidikan tinggi/ keselamatan/pertahanan | 1 |
| | H4b | Penggantian ini secara berperingkat dengan melantik rakyat tempatan dalam pelbagai bidang | 1 |
| | | [Mana-mana 6F x 1 *m*] | **[6 *m*]** |

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

| Soalan | Perincian | Markah |
|---|---|---|
| 6 *(c)* | Baca maklumat dalam petikan berikut<br><br>Sempena Hari Kemerdekaan ke-66, rakyat diajak menghargai pengorbanan pejuang dan ulama yang mempertahankan negara daripada penjajahan. Sejarah membuktikan bangsa Melayu mempunyai tamadun, sistem pemerintahan dan ekonomi yang maju.<br><br>Malaysia kini diiktiraf antara negara paling aman di dunia hasil perpaduan rakyat serta hubungan diplomatik yang baik. Namun, rakyat perlu terus memelihara keamanan, mempertahankan Perlembagaan, institusi Raja-Raja Melayu dan kedudukan Islam.<br><br>Semangat cintakan agama, bangsa dan negara perlu diterjemahkan melalui tindakan demi memastikan kemajuan serta kestabilan Malaysia terus terpelihara.<br><br>Sumber : Diubah suai daripada www.trdi.my<br><br>Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.<br><br>Aras 4<br>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas<br>Bukti/ contoh sangat sesuai<br>Membuat inferens yang tepat<br>Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci<br>Komunikasi/ pengolahan sangat menarik<br>Menunjukkan kematangan<br><br>Contoh:<br><br>Maklumat:<br><br>- Rakyat perlu menghargai pengorbanan pejuang/ ulama mempertahankan negara<br>- Menentang penjajahan demi memastikan negara mencapai kebebasan dan kedaulatan<br>- Contohnya - Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj<br><br>- Sejarah membuktikan bangsa Melayu mempunyai tamadun yang tinggi<br>- Masyarakat Melayu memiliki sistem pemerintahan/ perundangan/ ekonomi yang tersusun sebelum kedatangan penjajah<br>- Contohnya, Kesultanan Melayu Melaka mempunyai Hukum Kanun Melaka/ pelabuhan entrepot yang terkenal | **[7 - 8]** |

| Soalan | Perincian | Markah |
|---|---|---|
| | - Malaysia merupakan antara negara yang aman di dunia.<br>- Keamanan negara membolehkan rakyat hidup dalam suasana harmoni/ pembangunan berjalan lancar<br>- Contohnya, Malaysia sering menjadi destinasi pelaburan dan pelancongan antarabangsa<br><br>- Perpaduan rakyat menyumbang kepada kestabilan negara<br>- Sikap toleransi/ kerjasama antara kaum dapat mengelakkan konflik/ mewujudkan keharmonian.<br>- Contohnya, sambutan perayaan pelbagai kaum diraikan bersama-sama oleh rakyat Malaysia<br><br>- Rakyat perlu mempertahankan Perlembagaan Persekutuan/<br>- institusi beraja yang menjadi asas kestabilan politik/ identiti negara<br>- Contohnya, Yang di-Pertuan Agong berperanan sebagai Ketua Utama Negara mengikut Perlembagaan<br><br>- Rakyat haruslah menterjemahkan semangat cinta pada agama/ bangsa/ negara melalui tindakan<br>- Memastikan kemajuan/ kestabilan negara terus terpelihara<br>- Contohnya, dengan mematuhi undang-undang/ menjaga perpaduan/ menyumbang kepada pembangunan negara<br>(Mana-mana jawapan yang berkaitan)<br><br>SERTAI TELEGRAM @exercise_students | |

| Soalan | Perincian | Markah |
|---|---|---|
| | Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri penting untuk memastikan usaha pembangunan dapat memberikan manfaat demi kesejahteraan rakyat di seluruh negara. | |
| **7** *(a)* | Mengapakah Rancangan Pembangunan Koridor Wilayah diwujudkan? | |
| | F1 Memberikan tumpuan kepada pembangunan di negeri/ wilayah yang kurang pesat | 1 |
| | F2 Mewujudkan keseimbangan pembangunan negeri/ wilayah | 1 |
| | F3 Memastikan pembangunan sosioekonomi negara yang pesat | 1 |
| | F4 Meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat | 1 |
| | F5 Saling membantu pertukaran kepakaran | 1 |
| | F6 Menyalurkan bantuan kewangan kepada negeri yang kurang membangun/perlukan bantuan kewangan | 1 |
| | F7 Contohnya - Rancangan Pembangunan Iskandar atau South Johor Economic Region **(SJER) di Selatan Johor** / Wilayah Ekonomi Koridor Utara atau Northern Corridor Economic Region **(NCER) di Perlis**, Kedah, Pulau Pinang, Utara Perak / Wilayah Ekonomi Pantai Timur atau East Coast Economic Region **(ECER) di Pahang**, Terengganu, Kelantan, Daerah Mersing, Johor, Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak atau Sarawak Corridor of Renewable Energy **(SCORE) di Wilayah Tengah Sarawak** / Koridor Pembangunan Sabah atau Sabah Development Corridoe **(SDC) di seluruh Sabah** | 1 |
| | [Mana-mana 4F x 1 m] | **[4 *m*]** |

| Soalan | Perincian | Markah |
|---|---|---|
| 7 *(b)* | Jelaskan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam aspek keselamatan dan kedaulatan negara. | |
| | F1 Keselamatan dan pertahanan negara adalah di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan | 1 |
| | F2 Keselamatan dalam negeri/ ketenteraman awam di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri (KDN) | 1 |
| | F3 Pertahanan negara di bawah Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) | 1 |
| | F4 Diselaraskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) | 1 |
| | F5 Memastikan keselamatan rakyat/ kedaulatan terpelihara | 1 |
| | F6 Wujudkan kawasan keselamatan khas di Sarawak/ Sabah | 1 |
| | F7 Ancaman komunis semakin meningkat di Sarawak | 1 |
| | F8 Tun Abdul Razak Hussein (Pengerusi Majlis Keselamatan Negara) mengisytiharkan Bahagian Ketiga Sarawak sebagai Rajang Area Security Command (RASCOM)/ Pemerintahan Keselamatan Kawasan Rajang pada 26 Mac 1972 | 1 |
| | F9 Ketua Menteri Sarawak dilantik sebagai Pengarah Operasi Negeri dalam RASCOM | 1 |
| | F10 Bertanggungjawab menyelaraskan fungsi/ aktiviti pasukan keselamatan dan pejabat awam dalam kawasan RASCOM | 1 |
| | F11 Strategi berjaya memulihkan serta mengekalkan keselamatan/ keamanan di bahagian tengah Sarawak | 1 |
| | F12 Pada tahun 1995, RASCOM dibubarkan/ semua operasi keselamatan di Sarawak diselaraskan di bawah MKN | 1 |
| | F13 Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah | 1 |
| | F14 Penubuhan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)/ | 1 |
| | F15 Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah | 1 |
| | F16 Ekoran pencerobohan pengganas dari Kepulauan Sulu di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah pada 12 Feb 2013 | 1 |
| | F17 Misi ESSCOM untuk meningkatkan keselamatan Kawasan Timur Sabah daripada sebarang ancaman melalui kerjasama strategik antara agensi kerajaan | 1 |
| | F18 ESSCOM bertanggungjawab mengawasi keselamatan 10 daerah di Pantai Timur Sabah yang dikenali sebagai Eastern Sabah Security Zone (ESSZONE) atau Zon Keselamatan Timur Sabah | 1 |
| | F19 Kewujudan ESSCOM menambah baik aspek keselamatan Bukti komitmen kerajaan dalam usaha mengembalikan semula ketenteraman demi kesejahteraan rakyat Sabah | 1 |
| | [Mana-mana 8F x 1 *m*] | **[8 *m*]** |

| Soalan | Perincian | Markah |
|---|---|---|
| 7 *(c)* | Teliti infografik berikut.<br><br><br><br>Beri ulasan anda.<br><br>Aras 4<br>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas<br>Bukti/ contoh sangat sesuai<br>Membuat inferens yang tepat<br>Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci<br>Komunikasi/ pengolahan sangat menarik<br>Menunjukkan kematangan<br><br>Contoh:<br><br>- Malaysia terbentuk atas persetujuan semua negeri<br>- Berlandaskan prinsip Federalisme/ Persekutuan<br>- Teras utama dalam Perlembagaan Persekutuan<br>- Pembangunan dan kemajuan negara berteraskan kekuatan<br>- Persekutuan dan semua negeri<br>- Perlembagaan Persekutuan menjamin hak negeri<br>- Menentukan hubungan antara kerajaan Persekutuan dengan kerajaan Negeri<br>- Hal ehwal Sabah dan Sarawak berpandukan Perlembagaan Persekutuan/ Perjanjian Malaysia 1963<br>- Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri penting untuk memastikan usaha pembangunan demi kesejahteraan rakyat di seluruh negara<br>- Meliputi aspek pembangunan sosioekonomi/ pemeliharaan khazanah negara/ perumahan dan keselamatan<br>- Pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri menjamin kekuatan/ kestabilan negara<br>(Mana-mana jawapan berkaitan)<br>SERTAI TELEGRAM @exercise_students | <br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>[7 - 8] |

| Soalan | Perincian | | Markah |
|---|---|---|---|
| | Rukun Negara ialah ideologi negara yang dibentuk sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menyatukan dan membimbing rakyat ke arah perpaduan. | | |
| 8 *(a)* | Jelaskan matlamat pembentukan Rukun Negara. | | |
| | F1 | **Negara bersatu** | 1 |
| | H1a | Mencipta satu bangsa dan negara yang bersatu padu | 1 |
| | H1b | Setiap ahli masyarakat menganggap diri sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan atau kepercayaan | 1 |
| | H1c | Mempunyai kesetiaan dan cinta akan negara | 1 |
| | F2 | **Masyarakat adil** | 1 |
| | H2a | Mencipta satu masyarakat yang adil apabila semua anggota masyarakat mempunyai peluang yang sama untuk menikmati kekayaan negara | 1 |
| | H2b | Pihak yang lemah dan berkurangan dibantu supaya mereka mempunyai peluang yang sama untuk bersaing dan bebas daripada penindasan | 1 |
| | F3 | **Masyarakat progresif** | 1 |
| | H3a | Menegakkan satu masyarakat yang progresif mengikut kemajuan sains dan teknologi | 1 |
| | H3b | Mengamalkan nilai-nilai ketuhanan | 1 |
| | H3c | Masyarakat yang bergerak maju sejajar dengan perubahan dan kemajuan masa kini | 1 |
| | F4 | **Masyarakat liberal** | 1 |
| | H4a | Ahli masyarakat bebas mengamalkan agama, adat resam serta kebudayaan masing-masing sesuai dengan kepentingan perpaduan negara | 1 |
| | H4b | Mencipta satu masyarakat yang boleh menjadi sumber kekuatan kepada bangsa dan negara Malaysia | 1 |
| | F5 | **Masyarakat demokratik** | 1 |
| | H5a | Memelihara cara hidup demokratik apabila rakyat bertindak melalui parlimen yang dilantik menerusi perlembagaan | 1 |
| | H5b | Perlembagaan negara menjamin kebebasan hak asasi dan kebebasan kegiatan berpolitik asalkan tidak melanggar undang-undang negara | 1 |
| | H5c | Kepentingan negara hendaklah diutamakan lebih daripada kepentingan sesuatu kaum | 1 |
| | | [Mana-mana 4F x 1m] | **[4 *m*]** |

| Soalan | Perincian | | Markah |
|---|---|---|---|
| **8** *(b)* | Huraikan prinsip Rukun Negara yang perlu dihayati oleh rakyat Malaysia. | | |
| | F1 | **Kepercayaan kepada Tuhan** | 1 |
| | H1a | Agama menjadi panduan hidup membentuk keperibadian yang baik/ landasan dalam membina keharmonian kaum | 1 |
| | H1b | Perlembagaan Malaysia menetapkan bahawa Islam ialah agama rasmi Persekutuan | 1 |
| | H1c | Agama/ kepercayaan lain boleh diamalkan dengan aman/ tenteram | 1 |
| | H1d | Masyarakat perlu saling memahami/ menghormati/ bertoleransi dalam aspek keagamaan | 1 |
| | F2 | **Kesetiaan kepada Raja dan Negara** | 1 |
| | H2a | Negara kita mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan | 1 |
| | H2b | Raja merupakan simbol penyatuan/ perpaduan rakyat berbilang kaum | 1 |
| | H2c | Pengamalan prinsip ini dapat melahirkan rakyat yang menghormati simbol kedaulatan negara/ mematuhi undang-undang/ berusaha untuk meningkatkan imej negara/ berani mempertahankan kedaulatan negara | 1 |
| | H2d | Mempunyai ciri-ciri patriotisme yang teguh | 1 |
| | F3 | **Keluhuran Perlembagaan** | 1 |
| | H3a | Prinsip ini membawa maksud ketertinggian/ keagungan perlembagaan/ undang-undang | 1 |
| | H3b | Perlembagaan berfungsi memberikan perlindungan/ hak kepada setiap anggota masyarakat dalam negara | 1 |
| | H3c | Menekankan supaya rakyat dapat menerima/ mematuhi/ mempertahankan kemuliaan perlembagaan | 1 |
| | F4 | **Kedaulatan undang-undang** | 1 |
| | H4a | Menuntut setiap rakyat menghormati undang-undang/ tidak melakukan kesalahan di sisi undang-undang/ menyokong penguatkuasaannya | 1 |
| | H4b | Rakyat perlu bertanggungjawab mempertahankan/ memelihara kedaulatan undang-undang daripada dicabar oleh mana-mana pihak demi mengekalkan kehidupan yang aman/ harmoni | 1 |
| | F5 | **Kesopanan dan Kesusilaan** | 1 |
| | H5a | Memastikan bahawa setiap rakyat perlu sentiasa bersopan santun/ hormat-menghormati/ berakhlak mulia | 1 |
| | H5b | Menjamin hubungan baik sesama kaum kekal terpelihara | 1 |
| | H5c | Menjadi garis panduan yang perlu dijadikan amalan/ disemai dalam diri setiap rakyat Malaysia | 1 |
| | H5d | Penghayatan nilai murni akan melahirkan suasana yang harmoni/ saling bertolak ansur | 1 |
| | | [Mana-mana 8F x 1m] | **[8 *m*]** |

| Soalan | Perincian | Markah |
|---|---|---|
| **8** *(c)* | Teliti gambar berikut.<br><br>Jelaskan mesej yang terkandung dalam gambar tersebut dan kesan sekiranya rakyat mengabaikan prinsip Rukun Negara.<br><br>Aras 4<br>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas<br>Bukti/contoh sangat sesuai<br>Membuat inferens yang tepat<br>Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci<br>Komunikasi/ pengolahan sangat menarik<br>Menunjukkan kematangan<br><br>Contoh :<br>- Lima jalur simbolik 5 prinsip Rukun Negara perlu dipatuhi<br>- Angka 50 sempena sambutan ulang tahun Rukun Negara<br>- Warna biru melambangkan amalan perpaduan dalam kesopanan dan kesusilaan<br>- Bulan/bintang lambang prinsip kepercayaan kepada Tuhan<br>- Tengkolok berkerawang bulan/ bintang simbolik kesetiaan kepada raja/ negara/ lambang prinsip keluhuran perlembagaan/ kedaulatan undang-undang<br>- Melahirkan masyarakat yang bersopan santun/ hormat-menghormati/ berakhlak mulia<br>- Melahirkan rakyat bertanggungjawab mempertahankan/ memelihara kedaulatan undang-undang<br>- Melahirkan masyarakat yang bersatu<br>- Melahirkan masyarakat yang saling memahami/ menghormati/ bertolenrasi antara kaum<br>- Negara huru -hara bila rakyat tidak patuh undang-undang<br>- Wujud sikap perkauman kerana rakyat tidak bersatu padu<br>- Institusi diraja akan diperlekehkan/ rakyat tidak lagi menghormati raja<br>- Undang- undang lemah/ kedaulatan negara terancam<br>(Mana-mana jawapan berkaitan) | <br><br><br><br>**[7 - 8]** |

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

| Soalan | Perincian | Markah |
|---|---|---|
| | Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sikap terbuka, isu pada peringkat global sama ada isu ekonomi, sosial mahupun politik turut mempengaruhi perkembangan negara kita. | |
| **9** *(a)* | Jelaskan usaha Malaysia dalam menangani isu penyalahgunaan dadah. | |
| | F1 Mengisytiharkan perang terhadap penyalahgunaan dadah | 1 |
| | F2 Menjatuhkan hukuman berat kepada pesalah dadah | 1 |
| | F3 Kesungguhan disuarakan dalam forum antarabangsa/ International Drug Enforcement Conference–IDEC (Persidangan Penguatkuasaan Dadah Antarabangsa) yang ditubuhkan pada tahun 1983 oleh Amerika Syarikat | 1 |
| | F4 Mendapatkan kerjasama daripada International Criminal Police Organization – INTERPOL (Polis Antarabangsa) | 1 |
| | F5 Bekerjasama dengan negara lain bagi menggubal strategi operasi menangani masalah ini | 1 |
| | F6 Kelantangan Malaysia disuarakan dalam forum PBB | 1 |
| | F7 Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia keempat terpilih sebagai Ketua Jawatankuasa Antidadah Antarabangsa pada tahun 1988 | 1 |
| | [ Mana-mana 6F x 1 *m*] | **[6 *m*]** |
| **9** *(b)* | Huraikan pelibatan Malaysia dalam menyelesaikan isu pertindihan sempadan dan hak milik bertindih dengan negara lain. | |
| | F1 Tuntutan terhadap Pulau Batu Putih melibatkan Malaysia dengan Singapura/ Pulau Sipadan dan Ligitan antara Malaysia dengan Indonesia | 1 |
| | F2 Pada tahun 2002, Mahkamah Antarabangsa memutuskan Pulau Sipadan dan Ligitan menjadi hak milik Malaysia | 1 |
| | F3 Pada tahun 2008, Mahkamah Antarabangsa memutuskan hak milik Pulau Batu Putih kepada Singapura | 1 |
| | F4 Isu tuntutan Kepulauan Spratly pula melibatkan China/ Vietnam/ Brunei/ Filipina | 1 |
| | F5 Kedudukan Kepulauan Spratly yang terletak di tengah-tengah rantau Asia Tenggara penting dari sudut geostrategik/ perdagangan | 1 |
| | F6 Tuntutan Malaysia terhadap Kepulauan Spratly bermula pada tahun 1979 apabila memasukkan sebahagian daripada Kepulauan Spratly ke dalam wilayah Malaysia | 1 |
| | F7 Kepulauan ini merangkumi Pulau Kecil Amboyna, Terumbu Ubi, Terumbu Semarang Barat dan Layang-Layang seperti yang termaktub dalam Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 | 1 |
| | F8 Membangkitkan isu Spratly dalam Forum ASEAN-China pada tahun 1995 | 1 |
| | [ Mana-mana 6F x 1 *m*] | **[6 *m*]** |

| Soalan | Perincian | Markah |
|---|---|---|
| **9** *(c)* | Petikan berikut berkaitan dengan kempen antiminyak sawit oleh negara maju.<br><br>Malaysia adalah pengeluar minyak kelapa sawit kedua terbesar di dunia, di mana negara menghasilkan lebih daripada 19.5 juta tan minyak sawit mentah. Ini menunjukkan bahawa industri kelapa sawit memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi negara dan secara tidak langsung, industri ini juga membantu meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan sosioekonomi para pekebun kecil.<br><br>Namun, kempen anti minyak sawit oleh negara-negara Eropah telah mengugat industri kelapa sawit negara. Minyak sawit menjadi pesaing utama kepada minyak kacang soya. Selain itu penanaman kelapa sawit dikatakan menjadi punca pencemaran alam sekitar, kemusnahan hutan dan habitat haiwan liar. Keadaan ini menyebabkan berlaku bantahan dan sekatan terhadap minyak sawit.<br><br>Malaysia telah mengambil tindakan secara berhemah dalam menangani isu kempen antiminyak sawit ini untuk mengelakkan sebarang konflik dengan negara lain.<br><br>Sumber : Diubah suai daripad https://www.ukm.my<br><br>Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut. | |
| | Aras 4<br>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas<br>Bukti/ contoh sangat sesuai<br>Membuat inferens yang tepat<br>Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci<br>Komunikasi/ pengolahan sangat menarik<br>Menunjukkan kematangan<br><br>Contoh<br>- Pengeluar minyak kelapa sawit kedua terbesar di dunia/ hasil lebih daripada 19.5 juta tan minyak sawit mentah<br>- Menyumbang kepada ekonomi negara/ membantu meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan sosioekonomi para pekebun kecil<br>- Kempen anti minyak sawit oleh negara-negara Eropah mengugat industri kelapa sawit negara<br>- Bersaing dengan minyak kacang soya<br>- Dkatakan menjadi punca pencemaran alam sekitar/ kemusnahan hutan/ habitat haiwan liar<br>- Malaysia telah mengambil tindakan secara berhemah dalam menangani isu kempen antiminyak sawit ini<br>- Mengelakkan sebarang konflik dengan negara lain<br>- Pembukaan tanah secara besar-besaran membantu petani<br>- Diberikan bantuan subsidi/ baja/ khidmat nasihat<br>- Meningkatkan pengeluaran hasil tanaman<br>- Meluaskan pasaran/ promosi/ tingkatkan imej/ nama negara<br>(Mana-mana jawapan berkaitan)<br><br>**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT** | **[7 – 8]** |



SERTAI TELEGRAM @exercise_students